

# Pelajar perubatan UMS anjur Program Promosi kesihatan

**UB 16.06.2023 P.08**  
**KOTA KINABALU:** Pelajar Doktor Perubatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Univeriti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan Program Promosi Kesihatan di Sekolah Kebangsaan (SK) Terongkongon Kudat baru-baru ini.

Menurut kenyataan FPSK, program yang bertemakan 'Makan Sihat, Jom!' adalah hasil kajian kumpulan mahasiswa yang dijalankan selama empat minggu di Kampung Terongkongon Laut dan Kampung Tinduk Kudat.

"Pelaksanaan program ini sejajar dengan semangat Bulan Pemakanan Malaysia yang disambut pada April setiap tahun untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai budaya pemakanan sihat.

"Selaras dengan itu, kumpulan mahasiswa ini menjalankan pendidikan kesihatan melalui program promosi pemakanan sihat di kampung-kampung berkenaan.

"Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat serta mendorong penghayatan panduan pemakanan secara 'suku-suku separuh,'" jelas kenyataan itu di sini semalam.



**PROGRAM:** Antara penduduk yang hadir semasa program kesihatan itu.

Dalam pada itu, program berkenaan diharap dapat memupuk kesedaran yang lebih besar mengenai pemakanan seimbang seterusnya mendorong masyarakat untuk sentiasa mempunyai tahap kesihatan yang baik.

Majlis perasmian Program Promosi Kesihatan itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Matunggong Datuk Julita Mojungki. Hadir sama, Dekan FPSK UMS Prof. Dr. Mohammad Saffree Jeffree.



**PEMERIKSAAN:** Kakitangan FPSK memberi nasihat dan pemeriksaan kesihatan kepada penduduk.